

## *Usaha Menambah Baik Pembelajaran Di Rumah Bagi Penulisan Kreatif*

**Zuraidah Mohd Ariff**

zuraidah\_mohd\_ariff@schools.gov.sg

**Sekolah Montfort Junior**

### *Abstrak*

Langkah melaksanakan Pembelajaran di Rumah (HBL) akibat pandemik COVID-19 merupakan satu cabaran bagi guru dan murid-murid. Untuk melaksanakan pembelajaran ini, guru perlu menyulam pembelajaran dalam talian dan dan di dalam bilik darjah agar pembelajaran penulisan kreatif ini dapat dilaksanakan. Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang disokong melalui sidang *Zoom* dan portal SLS sebagai wadah pembelajaran. Alat pemikiran interaktif (*interactive thinking tools*) dan kaedah Penyoalan Socratic (*Socratic Questioning*) telah digunakan untuk menyokong pemikiran murid agar lebih kritikal. Analisis dapatan kajian memberikan gambaran dan cabaran yang sebenar mengenai pelaksanaan PdP penulisan kreatif ini dan langkah-langkah intervensi yang perlu dilakukan.

Kata Kunci: Aplikasi *Zoom*, Portal SLS, penulisan kreatif, pembelajaran dalam talian, rutin berfikir



## PENGENALAN

Semasa pemerintah Singapura menguatkuasakan langkah pemutus rantaian jangkitan COVID-19 pada 7 April 2020, model Pembelajaran di Rumah atau *Home-based Learning (HBL)* menjadi pelantar yang wajib untuk memastikan pembelajaran dapat diteruskan semasa sekolah ditutup. Dalam keadaan yang tergesa-gesa dan sulit ini, pandangan pendidik dan ibu bapa mengenai pembelajaran tercabar sekali gus mengajak kita untuk memburu transformasi digital dalam pendidikan dan pembelajaran. Ketidakbiasaan ini memberi peluang dan ruang kepada pendidik untuk memanfaatkan fleksibiliti bekerja dari rumah. Hal ini membolehkan guru menjana kreativiti yang ditawarkan dalam portal SLS apabila menggunakan teknologi. Dalam masa yang singkat, guru-guru terpenggil untuk berganding bahu menerusi beberapa wadah komuniti digital dan menyelaraskan proses pembelajaran demi memberikan pengalaman yang autentik dan berkesan kepada murid.

Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) yang membolehkan murid belajar menggunakan gabungan teknologi sambil menjalani pelajaran bersemuka di dalam bilik darjah menjadi teras utama kerana transformasi ini penting untuk memastikan PdP murid berterusan dan tidak terganggu.

## PERNYATAAN MASALAH

Bill Gates pernah menyatakan bahawa teknologi hanyalah alat tetapi guru adalah nadi yang menyuntik semangat dan memastikan sama ada murid dapat bekerjasama. Namun dalam era digital ini, guru perlu yakin dan mahir menggunakan teknologi. Hakikatnya, pengajaran dalam talian memerlukan perancangan yang teliti dan ia mengambil masa yang panjang. Ini kerana, walaupun menghasilkan tugas dengan menggunakan portal *Student Learning Space (SLS)*, perlu mengambil kira faktor ketiadaan guru untuk menyampaikan arahan, masa yang agak lama tetap harus diluangkan untuk menghasilkan slaid, infografik, audio dan video semata-mata untuk menjelaskan konsep dan tuntutan tugas di pelantar digital.

Selain itu, pengalaman guru yang baru sahaja mendukung tanggungjawab mengajar murid di peringkat sekolah rendah boleh dikatakan sebagai antara cabaran masalah yang utama. Permasalahannya berpunca daripada jangkaan guru terhadap kebolehan dan kemampuan murid-murid melaksanakan tugas yang dirancang. Guru juga perlu memantau prestasi murid dan menyusun langkah intervensi untuk menepati Pengajaran Pembezaan (DI). Walhal, pengalaman dan masa diperlukan untuk mengolah dan mengatur strategi pengajaran yang berkesan dan mampu membaik pulih kepincangan yang sedia ada.

Antara cabaran yang sangat membimbangkan adalah memastikan tidak ada murid yang ketinggalan. Peringkat umur murid untuk berdikari serta kesediaan murid dalam kemahiran ICT perlu diambil kira. Ada antara murid yang tidak mampu menyelesaikan tugas kerana ibu bapa yang terpaksa pergi bekerja semasa pandemik ini. Ada dalam kalangan mereka yang kian terjebak dengan tabiat buruk bermain permainan dalam talian secara berlebihan sehingga terlupa keutamaan mereka. Di sinilah, tugas mengingatkan dan menegur amat diperlukan. Namun ada kalanya, teguran guru tidak dihargai dan berkesan dalam mengubah pemikiran dan memupuk amalan pembelajaran yang positif dalam diri murid.

Dalam pakej pembelajaran ini, bahan-bahan pengajaran dalam talian bertujuan untuk merangsang pemikiran murid melalui rutin berfikir. Selain daripada itu, teknik penyoalan juga diperkenalkan untuk menggalakkan perbincangan yang mendalam. Aktiviti penulisan bukan sahaja dijalankan di dalam kelas tetapi turut dilakukan di rumah sebagai latihan latih tubi.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. memantau sejauhmana daya pemikiran murid dengan menggunakan rutin pemikiran jelas in terangsang; dan
2. meninjau keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam talian melalui sidang *Zoom* dan portal SLS.



## KAJIAN LEPAS

Ron Ritchhart dalam bukunya '*Making Thinking Visible*' menerangkan bahawa rutin berfikir secara visual boleh membantu murid untuk lebih peka terhadap proses pemikiran mereka, ia bukan sahaja dapat meningkatkan pemahaman mereka, tetapi ia akan membantu mereka menjadi pelajar yang celik berfikir. Sehubungan dengan itu, alat pemikiran interaktif (*interactive thinking tool*) sememangnya sudah tersedia dalam portal SLS yang boleh dijadikan sebagai penyusun grafik untuk menggambarkan pemikiran murid. Menerusi wadah ini, murid boleh memberikan pendapat dan memberi komen terhadap pendapat rakan mereka. Apabila murid menerima komen konstruktif daripada rakan memberi suatu alternatif kepada pendapat asal. Hal ini membantu murid memahami idea mereka sendiri.

Kaedah penyoalan Socratic atau *Socratic Questioning* sering digunakan guru dalam pengajaran untuk melibatkan murid dalam perbincangan. Kaedah ini dipercayai dapat membantu mengembangkan pemikiran kritis murid dan mencabar mereka untuk memberi penyelesaian bagi permasalahan yang rumit. Untuk benar-benar menggunakan teknik penyoalan ini, guru tidak seharusnya memberikan jawapan secara langsung. Sebaliknya, guru patut mengajukan serangkaian pertanyaan yang menuju ke arah landasan pemikiran yang dikehendaki. Manfaat daripada menggunakan teknik ini adalah mengajak murid berfikir pada tahap yang lebih tinggi. Apabila rutin berfikir sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan murid, agak mudah bagi guru untuk mengalihkan perbincangan kepada aspek penulisan pula.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian kuantitatif telah dipilih memandangkan matlamat utama kajian ini adalah untuk memantau sejauh mana langkah-langkah intervensi berjaya membantu murid dalam penulisan karangan naratif. Data daripada tugas penulisan murid dijadikan alat perbandingan untuk menguji keberkesanan teknik pengajaran. Selain itu, Amalan Pengajaran Singapura (STP) turut diterapkan dalam prosedur kajian.



## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 9 orang murid Darjah 3 yang merupakan murid lelaki kesemuanya. Walaupun bilangan murid kecil, kemahiran menulis dan kefahaman membaca mereka sangat lemah. Tiga daripada mereka bukan penutur jati bahasa Melayu dan tiga orang murid dikenal pasti mempunyai keperluan istimewa dan diberi sokongan pembelajaran oleh pihak sekolah. Murid-murid ini juga didapati tidak berupaya membina ayat dengan kosa kata yang sesuai. Mereka merupakan murid-murid yang sangat aktif, bersemangat dan kinestatik. Oleh demikian, mereka memerlukan pembelajaran yang aktif dan budaya disiplin yang tinggi di dalam kelas.

Pengajaran penulisan ini dilaksanakan dalam kelas sepanjang 2 penggal secara intensif yang melibatkan lebih kurang 10 sesi. Sememangnya, penulisan merupakan antara kemahiran yang sukar digarap oleh pelajar biasa apatah lagi pelajar yang lemah dan bukan penutur jati bahasa Melayu.

## Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan tinjauan praujian dalam portal SLS dan pascaujian, yang dijalankan untuk mendapatkan data. Dalam proses kajian ini, aplikasi *Zoom* digunakan sebagai alat komunikasi dan pelantar untuk pengajaran penulisan karangan. Portal SLS pula ialah portal pembelajaran utama yang membolehkan guru akses pada sumber yang bersesuaian dengan kurikulum. Selain itu, SLS juga menyediakan guru pelbagai alat untuk mereka pengajaran yang bermakna untuk murid. Pemerhatian dan pemantauan guru terhadap cara belajar serta hasil penulisan murid diberikan keutamaan. Langkah intervensi yang dilakukan secara bersemuka turut dibincangkan dalam kertas kajian ini.

## Prosedur Kajian

Oleh sebab kemahiran penulisan berdasarkan gambar baharu sahaja diperkenalkan pada Darjah 3, tidak adil sekiranya guru mengukur kebolehan penulisan atau menjalankan ujian diagnostik dan menilai murid tentang kemahiran yang belum diajar. Namun, sebelum murid beralih ke HBL, mereka



telah diajarkan cara membuat lakaran dan perancangan. Soalan-soalan berkaitan dengan karangan bergambar disenaraikan dan dibincangkan di dalam kelas. Pada peringkat awal, murid mendengar dan menyalin isi-isi perbincangan. Guru menjadi sumber utama dan banyak latihan yang dijalankan adalah menerusi pemerhatian, latihan menyusun perkataan menjadi ayat, melengkapkan frasa permulaan dan menghasilkan semula ayat-ayat yang dibina guru. Tugasan seharian di dalam bilik darjah memberi gambaran yang jelas kepada guru bahawa murid belum bersedia untuk menulis karangan lengkap. Oleh yang demikian, guru harus menyediakan perancah yang sesuai.


### Aspek Pengajaran (AP) Memberikan Penerangan yang Jelas dan Aktiviti Mengajar (AM) Menggunakan Penyusun Grafik

Walaupun pelbagai alat ICT yang boleh digunakan yang ada dalam talian seperti <https://padlet.com/> dan <https://app.popplet.com/>, namun tujuan utama pembelajaran adalah untuk menyokong perbincangan, menggalakkan murid untuk menyumbang idea dalam bahasa Melayu dan menunjukkan cara peralihan penjaan idea kepada pembentukan ayat. Apabila guru mengambil kira kebolehan murid dan kemahiran yang ingin ditangani iaitu penulisan, penggunaan '*post-it*' secara mautod merupakan alat yang paling sesuai. '*Post it note*' bukan sahaja alat pembelajaran yang murah yang boleh digunakan dengan pelbagai cara.

Sama seperti penggunaannya dalam *padlet*, guru juga menyediakan beberapa soalan. Dalam tembok pertanyaan tersebut, soalan-soalannya mudah dan ada kaitan dengan gambar. Teknik penyoalan *Socratic Questioning* digunakan guru dalam pengajaran untuk melibatkan murid dalam perbincangan. Soalan-soalan berbentuk aras tinggi seperti 'mengapa' dan 'bagaimana' agak mencabar bagi murid-murid. Sebagai permulaan, berikut ialah soalan-soalan yang diajukan:

1. Apakah yang terjadi?
2. Siapakah yang terlibat?
3. Di manakah tempat ini?

Rajah 1 : Kaedah Penggunaan 'Post-it' Untuk Merancang Cerita



Guru meminta murid untuk menyumbang saran. Walaupun jawapan murid dalam bentuk frasa dan percikan perkataan dan ada kalanya disebut dalam bahasa Inggeris, guru menerima dan memperbetul kesilapan murid dan meminta mereka supaya mengulangi istilah yang betul. Kemudian, murid perlu menyetujui jawapan secara kolektif dan mencatatkan respons pada belakang 'post-it' tersebut. Ketiga-tiga 'post-it' dilekatkan dalam buku karangan sebagai rujukan bagi aktiviti penulisan seterusnya.

Terdapat banyak kebaikan menggunakan 'post-it', antaranya ialah nota-nota ini fleksibel. Maka, semasa menulis perenggan pendahuluan, murid boleh menyusun 'post-it' mengikut isi mana yang ingin didahulukan. Hal ini bermanfaat kerana murid boleh memulakan karangan dengan memperkenalkan watak, latar tempat, gambaran situasi atau terus mula dengan aksi.

Menurut Mishra & Koelher (2006), 'post-it' ialah alat yang mudah disisipkan ke dalam amalan PdP harian dan boleh membantu guru dalam menyampaikan pelajaran yang lebih berkesan dan produktif. Hal ini bersesuaian dengan konsep 'Making Thinking Visible' oleh Ron Ritchhart yang menerangkan bahawa rutin berfikir secara visual dan berwarna boleh membantu murid untuk lebih peka terhadap proses pemikiran mereka.



## AP 24 Menyediakan Tugas yang Bermakna dan AM Latihan untuk Menguasai

Menyediakan tugas yang bermakna amat penting lebih-lebih lagi apabila bahan pembelajaran dalam talian harus berupaya menyokong pembelajaran secara sendiri. Ramai antara para pendidik mempercayai bahawa pembelajaran dalam talian tidak mampu mengatasi keberkesanan pembelajaran secara bersemuka. Kini, terdapat pelbagai kajian yang membuktikan bahawa tidak ada perbezaan yang ketara antara prestasi pelajar yang belajar dalam talian dan pembelajaran di bilik darjah secara tradisional. Fallah dan Ubell (2000) membandingkan skor peperiksaan pertengahan semester antara pelajar dalam talian dan tradisional di Institut Teknologi Stevens dan mendapati sedikit atau tidak ada perbezaan dalam hasil pembelajaran. Dapatan kajian tersebut mungkin boleh dikatakan kurang sesuai di peringkat sekolah atas sebab faktor umur, kematangan dan kesediaan belajar secara sendiri. Namun, memperlihatkan tidak ada pilihan alternatif dalam tempoh masa HBL, pembelajaran di rumah menggunakan portal SLS harus dijalankan secara kreatif dan efektif.

Guru harus memastikan tugas yang relevan agar dapat membantu menguasai aspek penulisan tertentu mengikut tahap kecekapan masing-masing. Antara latihan yang diberikan ialah perancangan karangan menerusi '*Interactive Thinking Tool*' dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan gambar yang dapat membantu murid merancang dan mengembangkan idea. Strategi ini pernah dijalankan di dalam bilik darjah menggunakan '*post-it*'. Dalam portal SLS pula, '*Interactive Thinking Tool*' digunakan tetapi masih mengekalkan cara menyoal yang sama iaitu 'Apakah yang berlaku? Siapakah yang terlibat? Di manakah tempat ini? Hal ini disengajakan untuk membantu murid yang lemah. Percikan kata ditaburkan pada bahagian gambar. Terdapat 10 patah perkataan dan frasa kesemuanya kerana mengambil kira perbendaharaan kata murid yang lemah. Latihan ini membantu murid meluaskan idea menerusi bahan grafik.



## Rajah 2: Menjana Idea Menggunakan *Interactive Thinking Tool*

bermain		degil
telefon bimbit		nakal
belajar		kerja sekolah
memarahi		ruang tamu
malas		menyuruh


Apa yang terjadi?	Siapakah budak itu?	Bilakah ia berlaku?
Contoh : Budak itu sedang bermain telefon bimbitnya di ruang tamu.	Contoh : Dia budak yang nakal kerana asyik bermain sahaja.	Contoh : Semasa penularan COVID-19.

Berikutan dengan itu, latihan pepadanan ‘*Drag and Drop*’ yang memerlukan murid menggabungkan frasa permulaan dengan rangkaian cerita yang bersesuaian. Berbalik pada objektif pembelajaran, murid harus berupaya menghasilkan sebuah karangan yang lengkap. Mengambil kira kemampuan murid menyusun ayat dan keterbatasan interaksi bersemuka yang mana guru boleh membetulkan ayat-ayat yang songsang, pepadanan frasa adalah yang paling relevan dan mampu dilakukan murid secara sendiri. Terdapat empat gambar kesemuanya dan setiap gambar ada latihan pepadanan frasa yang berasingan. Pada akhir pengajaran menerusi portal SLS, murid dapat memadankan frasa yang sesuai dengan permulaan frasa bagi keempat-empat gambar. Di samping itu, mereka harus menaip sebuah perenggan pendahuluan. Untuk benar-benar menguji pemahaman murid, soalan kefahaman aneka pilihan diberikan bagi memaparkan pengamatan murid terhadap keseluruhan teks karangan yang telah dipadankan.



### Rajah 3: Latihan Pemadanan Frasa Menggunakan 'Drag and Drop'

Padankan frasa-frasa ini sehingga menjadi ayat yang sesuai.



**Gambar 1 : Pendahuluan**

Sekolah-sekolah akan beralih kepada pembelajaran di rumah (HBL) sepenuhnya.

Ayat 2 : Adam sedang bermain

Ayat 3 : Adam memang seorang budak yang malas kerana

Ayat 4 : Ibu Adam menjerit, "HBL bukan bermaksud

Options

cuti sekolah. Pergi buat kerja kamu!

telefon bimbitnya di ruang tamunya.

dia suka melambat-lambatkan kerja sekolahnya.

Saphier, J. dan Gower. R dalam buku, *The Skillful Teacher: Building Your Teaching Skills* ada menyebut tentang kepentingan 'clarity' atau kejelasan. Mereka berpendapat bahawa arahan dan pemikiran yang jelas merupakan kunci bagi meningkatkan pencapaian pelajar. Mengambil kira hal ini, sebelum pengajaran diagihkan kepada murid, guru menjalankan sesi *Zoom* untuk menetapkan jangkaan, berbincang dan menjelaskan tuntutan tugas. Guru berkongsi 'Meeting ID' dan kata laluan melalui portal SLS dan Seesaw. Kemudian, guru menyertakan objektif pertemuan *Zoom* iaitu memahami tema karangan gambar bersiri dan menjana idea. Aplikasi *Zoom* ialah wadah komunikasi yang paling sesuai ketika itu kerana boleh menampung pelibatan ramai murid dan mempunyai fungsi berkongsi skrin. Sebelum murid membuat tugas dalam portal SLS, berhubung dengan murid adalah penting kerana guru dapat berbincang dengan murid dan mengambil kira sumbang saran mereka mengenai karangan bergambar tersebut. Perbincangan sangat rancak dan menyeronokkan sekaligus dapat meningkatkan pemahaman dan sedikit sebanyak dapat mengubati rasa rindu dengan guru dan rakan-rakan.

Sebelum kita beralih ke perbincangan mengenai dapatan kajian, ingin diutarakan bahawa terdapat beberapa cabaran semasa guru melaksanakan


tugasan menerusi portal SLS ini. Hal yang sangat menguji kesabaran adalah walaupun sudah digesa dan diingatkan, terdapat 12% murid yang tidak melengkapkan tugasan menerusi portal SLS. 38% murid pula yang gagal menyertai sesi sidang *Zoom*. Memang tidak dapat dinafikan bahawa proses penyemakan karangan dalam talian mengambil masa yang lama. Malangnya, maklum balas guru yang diberikan dalam portal SLS tidak dihiraukan. Antara perkara yang diperhatikan adalah banyak kesilapan yang dilakukan murid bukan disebabkan kesilapan ejaan atau nahu tetapi lebih kepada kecuaiannya semasa menaip dan tanda baca. Perkara-perkara yang sudah disebutkan sememangnya antara cabaran yang tidak dapat dielakkan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan data pencapaian yang diperoleh dari portal SLS, dapatan menunjukkan bahawa murid masih mempunyai kesukaran memadankan frasa. Rajah 4 menunjukkan prestasi murid dalam pepadanan frasa yang betul pada pangkal ayat hanya mencapai 65% secara purata. Terdapat beberapa faktor yang menjejaskan kelakonan murid. Antara sebabnya ialah murid memberi jawapan yang salah kerana pertama, murid tidak membaca frasa-frasa tersebut dengan teliti. Kedua, mereka tidak memahami maksud sesetengah perkataan sehingga menjejaskan seluruh pemahaman teks. Ketiga, mereka hanya '*drag and drop*' tanpa berfikir. Perenggan terakhir menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan. Dalam erti kata lain, setengah daripada murid belum lagi memiliki sifat daya tahan untuk kekal menjawab soalan dengan sebaik mungkin. Sifat tekun dan sikap berhati-hati ini harus dipupuk dalam diri murid lebih-lebih lagi semasa usia muda.



Rajah 5: Prestasi Murid Dalam Tugasan Pemadanan Frasa



Hal ini diperkukuh dengan data yang menganalisis pemahaman murid terhadap keseluruhan teks karangan. Sememangnya latihan pemahaman ini disertakan memandangkan profil murid yang pelbagai dan lemah dalam kefahaman membaca. Data dalam rajah menunjukkan bahawa hanya 50% soalan pemahaman secara purata dapat dijawab dengan betul.

Soalan 3 merupakan antara soalan yang tidak dijawab dengan baik. Apabila diteliti semula, soalan yang diajukan merupakan soalan penilaian. Oleh yang demikian, murid mungkin menghadapi kesukaran memahami soalan atau pendayanya yang mengelirukan. Soalannya adalah seperti berikut:

**Soalan 3 :** Perbuatan Adam bermain telefon bimbit ketika belajar adalah salah kerana dia \_\_\_\_\_.

- a. bermain permainan sepanjang hari
- b. perlahan-lahan bermain telefon bimbit
- c. **mencuri-curi bermain tanpa izin ibunya**

Hasil dapatan ini agak membimbangkan kerana secara tidak langsung menunjukkan bahawa murid belum berkemahiran untuk menulis sebuah karangan. Hal ini lebih meruncing jika mengambil kira bahawa murid hanya

mempunyai dua penggal untuk mempersiapkan diri bagi peperiksaan akhir tahun. Mengambil kira kelemahan-kelemahan ini, sekembalinya para pelajar daripada rantaian ‘pemutus litar’, guru harus melaksanakan langkah intervensi.

Sebahagian langkah intervensi yang dijalankan adalah mengajar semula kemahiran-kemahiran menulis. Guru berbalik kepada kaedah penyoalan ‘*Socratic Questioning*’ bagi melibatkan murid dalam perbincangan. Rutin berfikir dan mencatat perbincangan menggunakan ‘*post-it*’ telah diperkukuh. Murid perlu menyumbang kepada latihan percikan kata berdasarkan karangan bergambar. Setelah itu, guru membimbing murid membina ayat secara lisan berdasarkan nota-nota dalam ‘*post-it*’ dan percikan kata secara bergilir-gilir. Kemudian, murid menyalin ayat-ayat yang dipersetujui dalam buku karangan. Beberapa karangan dilakukan menggunakan strategi ini dan hasilnya sangat memberangsangkan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1. Namun hakikatnya, murid ini setakat meniru karangan yang dihasilkan guru.

**Jadual 1: Daftar Markah Karangan Murid untuk Penggal 4**

	Karangan 1	Karangan 2	Karangan 3	SA2
Murid A	10	13	0	2
Murid B	12	5	6	9
Murid C	11	0	4	5
Murid D	11	0	9	7
Murid E	12	13	13	10
Murid F	11	10	11	8
Murid G	12	10	11	7
Murid H	12	9	8	8
Murid I	11	13	13	4

Antara perkara yang harus dihentikan adalah menyalin semula karangan contohan guru. Sebaliknya, perbincangan harus dijalankan di dalam kelas dan murid mencatat nota berdasarkan soalan-soalan yang ditanya. Beberapa tema karangan yang berkaitan dengan kemalangan, kesihatan, warga emas dan kecuaiian didedahkan untuk menambah pengalaman menulis murid. Setelah itu, murid membawa karangan pulang setiap hujung minggu sebagai kerja rumah sebulan sebelum peperiksaan.



Sekali lagi, terdapat beberapa cabaran. Antara alasan yang diberikan murid adalah terlupa untuk membuat dan membawanya ke sekolah. Guru harus sentiasa berkomunikasi dengan ibu bapa apabila murid gagal menyelesaikan karangan. Secara keseluruhannya, ibu bapa menghormati guru dan cuba sedaya upaya untuk membantu anak-anak mereka dalam karangan. Mereka menghargai tugas yang diberikan dan memastikan anak-anak menyelesaikannya dengan sebaik mungkin. Namun, terdapat juga ibu bapa yang kurang selesa apabila guru memberi tekanan sebegini terhadap anak-anak mereka.

Guru harus bersikap profesional dan menerangkan kepada ibu bapa untuk melihat pemberian tugas tersebut dari lensa yang positif. Menurut pemerhatian, ada dalam kalangan murid cuba membuat karangan secara sendiri kerana tidak ada pemantauan daripada ibu bapa di rumah. Ada pula ibu bapa yang cuba sedaya upaya menolong anak-anak mereka yang lemah sehingga hasil kerja mereka sempurna. Malangnya, hasil karangan yang dilakukan di rumah jauh berbeza dengan apa yang terhasil semasa peperiksaan seperti yang boleh dilihat pada Murid A dan I.

## **KESIMPULAN**

Dapatan daripada kajian pengajaran ini jauh sekali daripada tahap yang memberangsangkan. Walaupun proses mengajar penulisan agak rumit dan panjang, guru berasa puas hati melihat perkembangan murid walaupun ada beberapa murid lemah dikenalpasti sebagai murid yang memerlukan sokongan yang lebih untuk cemerlang dalam penulisan karangan. Bak kata pepatah, sehari selembur benang, lama-lama menjadi kain. Guru harus meneruskan usaha merancang pengajaran yang inovatif dengan menggunakan portal SLS dan pembelajaran bersemuka untuk mengasah kemahiran penulisan murid. Selain itu, guru harus sentiasa percaya bahawa anak didik boleh berjaya. Walaupun memupuk sikap yang positif dan membina keyakinan dalam menggunakan bahasa Melayu merupakan sesuatu yang mencabar, guru harus lebih peka terhadap hal ini.



Salah satu cara adalah untuk mempelbagaikan strategi dengan merujuk pada Amalan Pengajaran Singapura (STP) untuk membantu murid yang lemah. Perkongsian strategi bersama guru-guru yang lebih berpengalaman turut membantu memperkasa kemahiran guru dalam pengajaran. Rata-rata, murid lebih yakin menulis karangan. Tidak dapat dinafikan, sokongan peribadi perlu dan terus akan diberikan kepada murid yang lemah. Proses pembelajaran murid merupakan perjalanan yang jauh dan memerlukan bimbingan tenaga guru yang berterusan. Seperti yang disebutkan, sehari selembang benang, lama-lama menjadi kain. Yang pasti, pengalaman semasa pandemik COVID-19 ini turut mengajak guru dan murid maju ke tahap yang seterusnya.

## **RUJUKAN**

Fallah, M. H., & Ubell, R. (2000). Blind scores in a graduate test. Conventional compared with web-based outcomes. *ALN Magazine*, 4 (2).

Mishra and J. Koelher. 2006. *Technological Pedagogical Content Knowledge: A Framework for Teacher Knowledge*.

Saphier, J., Haley-Speca, M.A. and Gower, R. (2008) *The Skillful teacher: Building Your Teaching Skills*. 6th Edition, Research for Better Teaching.

Ritchhart, R., Church, M., & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

